

15 JUN 2003

Umno-Penuntut

PENUNTUT DIALOG DENGAN DR MAHATHIR MENERUSI TELEPERSIDANGAN

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Penuntut-penuntut Malaysia di luar negara berpeluang berdialog dengan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir melalui telepersidangan semasa Perhimpunan Agung Umno ke-57 pada Selasa ini.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata para penuntut itu juga boleh mendapatkan penjelasan berhubung isu-isu semasa serta kesangsian mengenai parti dan negara daripada Dr Mahathir.

"Kita hendak menyediakan perhubungan langsung dengan ibu pejabat Umno supaya mereka dapat berhubung terus dengan permasalahan yang mereka hadapi dan kekeliruan yang dilakukan oleh parti-parti pembangkang," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan raptai Perhimpunan Umno ke-57 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri akan melancarkan laman web parti, Umno Online sebelum mengadakan telepersidangan pada 19 Jun iaitu hari pertama perhimpunan lima hari itu.

Tengku Adnan berkata telepersidangan itu juga akan menjadi laluan pemahaman mengenai negara untuk para penuntut Malaysia.

Beliau berkata Umno Online itu akan memberi liputan dalaman dan luar negara mengenai semua aktiviti Umno di semua peringkat termasuk kelab-kelab Umno.

Mengenai persiapan terakhir sebelum bermulanya perhimpunan agung parti Selasa ini, Tengku Adnan yakin perhimpunan agung parti kali ini akan berjalan lancar.

Selain perbarisan 57 orang yang mewakili setiap pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO, beliau berkata buat pertama kalinya seramai 200 pelajar sekolah akan menyertai pasukan koir Umno sempena perasmian perhimpunan itu.

-- BERNAMA

MPA HS NAK